



**BERAMAH MESRA...** Dr. Aini Ideris berbual dengan pelajar SK Pulau Mabul pada program Pemerkasaan Industri Inisiatif Go Green UPM bersama Uncle Changs Sipadan Mabul Dive Lodge di Pulau Mabul, Semporna, Sabah.



**DR. AINI IDERIS** (tiga kanan) menerima cek penajaan daripada Ang Kian Chong atau Uncle Chang (dua kiri) pada program Pemerkasaan Industri Inisiatif Go Green UPM bersama Uncle Changs Sipadan Mabul Dive Lodge di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. Turut kelihatan Awang Ahmad Zaki (kiri).

# UPM pindah ilmu kepada masyarakat

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) sedar bahawa kecemerlangan dalam penyelidikan juga harus diperluas, dan sampai kepada masyarakat Malaysia khususnya penduduk setempat bagi mencapai pembangunan yang lestari.

Untuk meningkatkan pengetahuan, taraf hidup, dan pendapatan rakyat serta industri di negara ini, peruntukan khas dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah diberikan kepada ahli akademik UPM. Inisiatif tersebut menyediakan platform untuk menjayakan projek *Go Green* bersama industri melalui Program Pemindahan Ilmu (KTP).

Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris** berkata, program tersebut, yang menggabungkan pelbagai kepakaran di UPM, bertujuan memperkenalkan keusahawanan lestari dan hijau melalui kaedah yang inovatif dengan menukarkan sampah kepada pendapatan (*trash to cash*).

"Saya difahamkan hampir dua tahun pelaksanaan program ini, Uncle Chang Sipadan Mabul Dive Lodge menunjukkan perubahan

positif dalam usaha untuk merintis operasi pelancongan yang 'lebih hijau dan mesra alam,'" ujarnya.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan perasmianya pada program Pemerkasaan Industri Inisiatif *Go Green* UPM bersama Uncle Chang's Sipadan Mabul Dive Lodge di Pulau Mabul, Semporna, Sabah baru-baru ini.

Program tersebut berfaedah kerana ia memberi tumpuan kepada pengurusan sisa organik melalui kaedah permakultur (pembangunan sistem pertanian ke arah kelasterian serta berdaya maju) dan pengurusan sampah bukan organik, melalui kaedah kitar semula.

Katanya, pelbagai usaha seperti membuat demonstrasi *Fermented Plant Juice* (FPJ) oleh pakar UPM, penubuhan pusat kitar semula, pengumpulan air penyaman udara, mengitar semula botol plastik untuk pasu bunga telah dijalankan.

"Kita juga perlu sedar betapa pentingnya mengawal pembangunan seimbang yang menyokong pemuliharaan sumber asli, meningkatkan taraf hidup masyarakat, merangsang pendayaupayaan usahawan

## ON JOB TRAINING RESORT HIJAU

- Inisiatif 1 : Pengumpulan air hujan
- Inisiatif 2 : Pengumpulan air penyaman udara
- Inisiatif 3 : Kebun dapur
- Inisiatif 4 : Chalet hijau
- Inisiatif 5 : Pengasingan sisa organik
- Inisiatif 6 : Pengasingan sisa bukan organik
- Inisiatif 7 : Penubuhan kitar semula
- Inisiatif 8 : Inisiatif *Upcycle*
- Inisiatif 9 : Kempen Kesedaran bersama sekolah
- Inisiatif 10 : Kempen kitar semula

muda dan wanita, membasmi kemiskinan, yang akan menyumbang kepada ekonomi tempatan dan nasional.

"Usaha ini penting untuk menjadikan negara kita antara teratas dalam dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi seperti yang dituntut dalam Transformasi Nasional 50 (TN50)," ujarnya.

Beliau memberitahu, resort berkenaan yang beroperasi sebagai pengusaha pelancongan dan penginapan di Pulau Mabul, Semporna, Sabah sejak 2006 mempunyai iltizam yang tinggi terhadap amalan pengurusan alam sekitar yang mampan.

Selepas dua tahun mengikuti program ini, ia menunjukkan perubahan yang positif dalam usaha untuk merintis pelancongan yang 'lebih hijau dan mesra alam'.

Di samping itu, program berkenaan secara tidak langsung dapat mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat berkenaan amalan pengurusan sisa yang berdaya maju dan mampan di kawasan laut dan pantai.

Hasil usaha ini menunjukkan pusat pelancongan berkenaan telah bersedia untuk meneruskan inisiatif hijau ini ke arah mencapai matlamat resort hijau sepenuhnya kelak.

Kini program tersebut diteruskan dengan pemberian dana lanjutan sebanyak RM96,000 dari resort berkenaan. Kesenambungan daripada ilmu dan pengetahuan alam hijau bukan sahaja memanfaatkan industri pelancongan, malah warga sekolah, komuniti tempatan serta pelancong secara menyeluruh.